

Malaysia bakal terkena tempias

risiko kemelasetan dunia, AS

Pertumbuhan KDNK dijangka sederhana kepada 4.1 peratus tahun hadapan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia tidak dapat lari daripada terkena tempas risiko kemelesetan global dan Amerika Syarikat (AS) yang dijangka berlaku tahun depan, demikian kata penganalisis.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERC), Lee Heng Guie melihat risiko meningkat terhadap kemelesetan global dan AS pada 2023.

Jika kemelesetan berlaku di AS, beliau menjangkakan, penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sederhana dan tidak terlalu mendalam selama enam ke lapan bulan.

Beliau juga menjangkakan Rizab Persekutuan AS (Fed) kekal agresif dalam tempoh lebih lama, dengan meningkatkan kadar dana bank pusat itu ke paras kemuncak empat peratus pada separuh pertama 2023.

“Pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka sederhana kepada 4.1 peratus pada 2023 berbanding (unjuran) 5.2 peratus tahun ini.

“Perdagangan luar Malaysia akan merasakan kesan daripada kelembapan global kerana korela-

si pertumbuhan negara memandangkan ekonomi global menjadi lebih utuh sejak 10 tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan Hari Korporat Maya Malaysia anjuran CGS-CIMB yang dihadiri 320 pelabur institusi baru-baru ini.

Dalam pada itu, Heng Guie berkata, pasaran pekerjaan yang sempit juga mungkin berterusan memandangkan aliran masuk pekerja asing yang terhad berbanding dengan keperluan negara.

Beliau juga menjangkakan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang menjadi penanda aras rujukan kadar faedah pinjaman institusi kewangan di negara ini berada sekitar 2.5 peratus pada akhir 2022 dan 3 peratus hujung 2023.

Ekonomi AS menguncup pada suku kedua 2022, di tengah pengetatan dasar monetari yang agresif oleh Fed untuk membendung peningkatan inflasi yang menimbulkan kebimbangan pasaran kewangan bahawa ekonomi berada dalam kemelesetan.

KDNK ekonomi terbesar dunia itu jatuh pada 0.9 peratus dalam tempoh setahun selepas menguncup 1.6 peratus dalam

tiga bulan pertama tahun ini, demikian menurut Jabatan Perdagangan AS dalam anggaran awal KDNK yang dikeluarkan, kelmarin.

Kurangkan tekanan inflasi

Rabu lalu, Fed menaikkan penanda aras kadar faedah di AS sebanyak tiga perempat mata peratusan atau 0.75 peratus kepada julat antara 2.25 hingga 2.5 peratus.

Langkah itu antara usaha mengurangkan tekanan inflasi paling teruk sejak 1980-an dengan peningkatan berterusan kos pinjaman meskipun terdapat bukti bahawa ekonomi sedang berkembang dengan perlahan.

Presiden AS, Joe Biden bagaimanapun menegaskan ahli ekonomi dan perbankan menyatakan ekonomi negara maju itu tidak berada dalam kemelesetan.

“Pengerusi Fed, Jerome Powell dan ramai ahli perbankan serta pakar ekonomi berkata, kami tidak berada dalam kemelesetan,” kata Biden di Rumah Putih.

Beliau berkata, kadar

pekerjaan baharu yang diwujudkan dalam ekonomi AS dan rekod pengangguran adalah 3.6 peratus.

“Ia bukan kemelesetan bagi saya,” kata Biden.

Takrifan kemelesetan ialah mempunyai dua perempat pertumbuhan negatif.

Bagaimanapun, menurut pentadbiran Biden, angka terbaru itu berdasarkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.7 peratus untuk 2021, adalah pertumbuhan terpanjang dalam empat dekad selepas penguncupan 3.5 peratus pada 2020 akibat langkah diambil bagi membendung pandemik COVID-19.

Perdagangan luar Malaysia akan merasakan kesan daripada kelembapan global kerana korelasi pertumbuhan negara memandangkan ekonomi global menjadi lebih utuh sejak 10 tahun lalu

Lee Heng Guie,
Pengarah Eksekutif
Pusat Penyelidikan
Sosio Ekonomi
(SERC)

